

Memahami penggunaan kad kredit memudahkan pembayaran

Kegagalan bayar ikut masa menyebabkan pemegang polisi menanggung bayar premium bulanan tinggi



URUS WANG ANDA

Oleh Azil Ayob
azilayob@bharian.com.my

LANGKAH Bank Negara Malaysia mengenakan caj RM50 ke atas kad kredit dan RM25 untuk kad tambahan adalah untuk mengurangkan jumlah kad kredit di negara ini.

Terdapat kira-kira sembilan juta kad kredit di negara ini setakat akhir tahun lalu, penurunan sebanyak 1.8 juta kad atau 17 peratus daripada 10.8 juta kad yang berdaftar pada Disember 2009.

Bagaimanapun di sebalik penurunan itu, jumlah urus niaga kad kredit kekal hampir sama mengikut purata bulanan untuk 2009 dan 2010, iaitu 23 juta urus niaga yang memberi petunjuk bahawa pembayaran menggunakan kad sangat popular dalam kehidupan pengguna hari ini. Ini disebabkan kebanyakan



PENGUNAAN kad kredit ketika beli-belah dipasar raya memudahkan pengguna.

daripada pengguna sudah biasa terhadap konsep tanpa tunai, selain bertambahnya permintaan terhadap keselesaan dan kepantasan urus niaga dalam kehidupan seharian yang sibuk.

Perkembangan teknologi dan e-dagang terus memacu pertumbuhan kad kredit dan debit sepanjang dekad lalu apabila ia melengkapkan pengguna dengan keupayaan urus niaga tanpa sempadan yang tidak pernah terfikir sebelum ini.

Turut sama penting adalah kegunaannya untuk mengurangkan pembaziran; ramai antara kita tidak sedar terhadap baki wang yang dikembalikan biasanya diletakkan merata-rata.

Paling utama, berurusan secara elektronik mengurangkan insiden kecurian yang biasanya dikaitkan dengan kehadiran mata wang fizikal malah ia juga didatangkan dengan beberapa peraturan industri yang melindungi

anda sebagai pengguna daripada jenayah pemalsuan.

Semua perkara positif itu meningkatkan lagi pertumbuhan pembayaran secara elektronik, meningkatkan kemungkinan bahawa wang masa depan ini akan berlaku dalam kehidupan kita.

Memandangkan kemunculan kumpulan tanpa tunai menjadi penting dari masa ke masa, wang kertas dan syiling mungkin menjadi satu perkara yang lepas lebih pantas daripada difikirkan.

Malah, jika satu ketika dulu ada perumpamaan 'wang adalah raja' tidak lama lagi ia akan bertukar kepada 'kad adalah raja'.

Secara asasnya, definisi kad kredit dan kad debit adalah seperti berikut:

Kad kredit adalah satu bentuk pinjaman kepada pemegang kad yang perlu menyelesaikan jumlah bil bulanan pada tarikh yang ditetapkan dan kegagalan untuk membuat bayaran itu akan

menyebabkan caj faedah atau caj bayaran lambat.

Kad debit pula adalah bayaran tanpa tunai yang ditolak terus daripada baki akaun bank yang mungkin didatangkan dengan kemudahan overdraf.

Bayaran elektronik menggunakan kad caj tidak disangkal lagi adalah jalan masa depan ketika kita semua bergerak ke zaman teknologi.

Pada peringkat makro ia menyediakan pemangkin kepada pertumbuhan dan kecekapan ekonomi, manakala untuk pengguna dan penjaga pula ia menyediakan keselesaan dan perlindungan apabila ia digandingkan dengan disiplin serta pendidikan yang secukupnya dalam menguruskan penggunaan kad.

Terdapat beberapa manfaat dalam kedua-dua jenis kad ini, bergantung kepada keperluan anda sebagai pengguna. Kad kredit membolehkan pengguna untuk 'membeli' dulu dan membayar kemu-

dian' yang bermakna pemegang kad boleh menikmati tempoh 'apungan percuma' ke atas pembelian yang dibuat sehingga tiba masanya bayaran bulanan sampai atau caj faedah/bayaran lewat dikenakan.

Bagaimanapun, kad debit memotong bayaran daripada baki akaun secara terus.

Bagi kad kredit, terdapat manfaat tambahan untuk mampu menahan dulu bayaran apabila sedang berbincang dengan peniaga, tidak berpuas hati dengan pembelian atau perkhidmatan atau terdedah kepada caj palsu.

Kad kredit juga didatangkan dengan keutamaan tambahan dari segi ganjaran, rebat atau manfaat mata tebusan yang menyediakan kelebihan atau ciri-ciri istimewa untuk meningkatkan penggunaan kad di kalangan pemegangnya.

Kad debit pula bermanfaat dalam cara yang berlainan kerana ia menyediakan had ke-



PEMBAYARAN deposit untuk beli rumah boleh gunakan kad kredit.

atas keupayaan perbelanjaan dalam akaun masing-masing, yang mana terdapat kurang risiko ke atas perbelanjaan berlebihan dan caj kadar faedah.

Memandangkan kad debit membolehkan potongan terus dari baki akaun, ia biasanya lebih murah kerana ia memberikan risiko yang kurang kepada bank.

Malah, kad debit juga menyediakan keselesaan ke atas beberapa kerumitan pentadbiran yang biasanya berlaku ketika menetapkan barisan kredit di luar negara.

Ini adalah penting kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan pekerjaan seperti pelajar di luar negara kerana kad debit tidak memerlukan kertas kerja tambahan atau penjamin seperti apa yang diperlukan kemudahan kredit.

Lebih menarik, ketika kad kredit memberikan barisan pinjaman peribadi, pengguna

kad debit akan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab mengetahui bahawa apabila kad digunakan, baki akaun akan berkurang serta-merta.

Kad kredit biasanya memberi manfaat kepada pengguna yang membuat urus niaga dalam jumlah yang besar yang mana pemotongan secara tunai mungkin tidak sesuai.

Tempoh apungan percuma sehingga tarikh bayaran tiba adalah bagus untuk urus niaga besar, sekali saja kerana ia membantu pengguna membuat pembelian sehingga mereka mampu membiayai pembayaran urus niaga berkenaan.

Pemegang kad juga boleh bergantung kepada pembiayaan ke atas pembelian secara kredit itu sehingga mereka mampu membuat bayaran, asalkan mereka faham dan bersetuju ke atas faedah dikenakan ke atas baki yang dipengang dengan bank.

Kad kredit juga adalah lebih baik kepada pengguna

yang mempunyai kawalan baik ke atas perbelanjaan mereka dan memandangkan pembelian boleh dilakukan tanpa memerlukan cagaran atau baki akaun sedia ada, tidak seperti kad debit.

Kad debit biasanya memberi manfaat kepada pengguna yang membuat urus niaga harian tanpa bersusah payah untuk membawa wang tunai.

Ia menyediakan had kepada perbelanjaan bergantung kepada baki akaun tersedia justeru sesuai kepada pengguna yang tidak mahu mengambil risiko berbelanja berlebihan ke atas kredit dan caj faedah.

Kad debit adalah lebih baik kepada golongan muda kerana mereka jarang membuat pembelian besar dan perbelanjaan masing-masing boleh dilindungi oleh baki akaun, justeru ia lebih mudah dipantau.

Artikel disumbangkan Alliance Bank Malaysia Bhd